

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG.JEN DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH**  
**KEJOHANAN BESBOL RAJA MUDA PERLIS KALI KE-3 TAHUN**  
**2013**  
**PADA 18 MEI 2013**  
**BERTEMPAT DI PERKARANGAN PERPUSTAKAAN UniMAP**

Bismillah Hirrahan Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera Dan Salam  
1 Malaysia.

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin  
Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, merangkap Tuanku Canselor  
UniMAP Dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah  
Lailatul Shahreen Akashah yang juga Pro Canselor UniMAP.

Terlebih dahulu patik bagi seluruh warga kerja UniMAP ingin merafak sembah,  
menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Duli tuanku berdua  
bercemar duli berangkat ke Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Besbol Piala  
Raja Muda Perlis Kali Ke-2 Tahun 2013 ini. Sesungguhnya Kehadiran Duli  
Tuanku berdua ke majlis ini amat besar ertinya buat kami semua di universiti  
ini.

Ampun Tuanku,

Izinkan Patik Menyampaikan Ucapan Kepada Barisan Tetamu Yang Hadir.

## **SALUTASI**

**Yang Amat Berhormat Dato' Seri Azlan Bin Man**, Menteri Besar Perlis

**Yang Berbahagia Dato' Noh Abdullah**, Presiden Persekutuan Besbol Malaysia

Yang Berbahagia

Pengurus Operasi Emas Kerajang Sdn Bhd

Penaja Pakej 'Diamond' Kejohanan Besbol

Yang Berbahagia

Wakil Bank Rakyat Penaja Pakej 'Golden' Kejohanan Besbol

**Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal**, Timbalan Naib  
Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP

**Yang Berbahagia, Profesor Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan**, Timbalan Naib  
Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP,

Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri serta Ahli-ahli Yang Berhormat dan isteri,

Pegawai-pegawai Utama UniMAP. Dif-Dif Kehormat

Dekan-dekan dan Ketua-Ketua Jabatan.

Exco Persekutuan Besbol Malaysia & Persatuan Besbol Malaysia

Pengurus Pasukan dari IPTA/IPTS dan kelab-kelab

Jawatankuasa Pertandingan, Para Penaja

Wakil-wakil media, Peserta Kejohanan Besbol Piala Raja Muda Perlis Kali Ke-3 2013 seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

### **KATA-KATA ALUAN**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayahNya dapat kita berkumpul bersama pada petang ini bagi menyempurnakan Upacara **Perasmian Penutup Kejohanan Besbol Piala Raja Muda** Kali Ke- 3 tahun 2013 ini.
2. Pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua jawatankuasa yang bertungkus lumus memastikan kejohanan ini berjalan lancar. Bagi kejohanan sebelum ini, ia berlangsung di perkarangan Stadium Utama Kangar dan tahun ini Alhamdulillah buat julung kalinya kita dapat menganjurkan Kejohanan ini di kampus kita sendiri di Pauh Putra.
3. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penaja-penaja Kejohanan pada kali ini terutamanya kepada **Emas Kerajang dan Bank Rakyat** kerana sudi memberikan sumbangan dalam bentuk kewangan terhadap kejohanan yang diadakan pada kali ini . Penajaan yang lebih baik pada tahun ini menandakan bahawa sukan Besbol ini mula mendapat perhatian di kalangan pihak korporat khususnya untuk meningkatkan lagi sukan Besbol di Negeri Perlis.

Hadirin sekalian,

### **PERKEMBANGAN BESBOL DI PERLIS**

4. Untuk makluman Besbol di negeri Perlis ini sudah mula berkembang dengan bertambahnya aktiviti yang dianjurkan oleh Persatuan Besbol Negeri Perlis khususnya dengan kerjasama Persekutuan Besbol Malaysia.
5. UniMAP dengan kerjasama Persatuan Besbol Negeri Perlis baru-baru ini telah berjaya menghantar Pasukan Besbol kanak-kanak dari sekolah-sekolah rendah sekitar Perlis ke Jepun untuk mewakili Malaysia dalam Program '**22<sup>nd</sup> World's Children Baseball Fair 2012**'.
6. Program yang dijalankan di Jepun pada **22 hingga 30 Julai 2012** dan Persatuan Besbol Negeri Perlis merupakan badan yang telah dipilih untuk mewakili Malaysia sebagai program tersebut atas komitmen UniMAP bersama Persatuan besbol Negeri Perlis yang sentiasa berusaha untuk menghidupkan permainan ini di peringkat Malaysia.
7. Saya juga difahamkan setelah beberapa siri kursus pengadil telah dijalankan pada tahun ini dan tahun kebelakangan ini, kebanyakan pengadil-pengadil muda yang dulunya menyertai kursus-kursus yang dianjurkan kini mula mengadili pertandingan yang diadakan pada kali ini. Perkembangan positif ini bakal menyaksikan lebih banyak Pertandingan Besbol dapat dianjurkan selepas ini di Negeri Perlis dengan bantuan UniMAP & badan-badan luar. Saya percaya dengan adanya pembangunan sukan Besbol di Negeri Perlis ini maka ia boleh meningkatkan minat masyarakat khususnya penduduk di negeri Perlis. Tidak mustahil juga satu hari nanti akan menjadi sukan teras di Negeri Perlis ini.

Hadirin sekalian,

### **UniMAP SOKONG PEMBANGUNAN SUKAN BESBOL**

8. UniMAP dengan kerjasama Persekutuan Besbol Malaysia, sentiasa menyokong aktiviti pembangunan sukan besbol ini seterusnya menaikkan kembali minat golongan mahasiswa terhadap sukan ini, Pertambahan pasukan pada tahun ini iaitu sebanyak tujuh pasukanya yang terdiri daripada IPTA-IPTA seperti UniMAP, UiTM , Politeknik-politeknik, dan beberapa kelab seperti MSSPs dan Crazy Lamb Perlis telah menunjukkan sukan ini mula mendapat tempat di hati rakyat dan golongan muda Negeri Perlis khususnya. Saya juga ingin merakamkan ucapan syabas kepada para peserta yang mengambil bahagian pada kejohanan kali ini. Pada masa akan datang, diharap lebih banyak IPT akan bertanding, bukan sahaja IPT tempatan, tetapi seluruh Asia Tenggara hendaknya.
  
9. Semoga pada masa akan datang kita dapat menyaksikan sebuah stadium Besbol yang lengkap akan tersergam indah di Negeri Perlis. Saya difahamkan oleh Presiden persekutuan Besbol Malaysia sebaik pulang dari Korea tempoh hari nampaknya seperti ada sinar baharu pelabur-pelabur dari luar Malaysia berminat untuk membantu mengembangkan Sukan Besbol di Negeri Perlis khususnya dan di Malaysia umumnya.

### **HARAPAN**

10. Besarlah harapan saya agar kejohanan ini dapat di pergiatkan lagi dengan penganjuran liga di peringkat negeri Perlis yang bakal menyaksikan lebih banyak pasukan yang bertanding dalam tempoh masa

yang lebih panjang. Semoga kejohanan ini akan menjadi kejohanan yang berprestij setanding dengan kejohanan-kejohanan besbol di peringkat kebangsaan dan seterusnya mengangkat Negeri Perlis sebagai Pusat Besbol Malaysia.

11. Saya percaya kejohanan ini merupakan medan untuk anda mempamerkan kebolehan dan potensi diri dalam sukan besbol. Mana tahu, bermula dari kejohanan ini anda mungkin bergelar atlet negara. Selain itu saya dimaklumkan terdapat pelbagai program yang telah disusun dalam usaha menarik minat masyarakat menceburi sukan ini. Antara program yang dijangka dilaksanakan pada tahun ini ialah Coaching Clinic untuk sekolah-sekolah rendah dan Kejohanan Besbol Piala Naib Canselor UniMAP.

12. Charity Shield antara UniMAP, Pasukan Perlis dan University of Songkhla yang sudah dirancang juga akan diadakan bagi meningkatkan lagi skil permainan ke taraf antarabangsa. Sesungguhnya, semua perancangan ini sedang giat dibincangkan di peringkat Persatuan Besbol Negeri Perlis.

Hadirin sekalian,

### **PENUTUP**

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan jutaan penghargaan buat semua pasukan yang bertanding. Terima kasih sekali lagi kepada pihak-pihak penaja yang sudi memberikan sumbangan pada kejohanan kali ini.

***Menaiki Kapal Ke Kuala Kedah  
Singgah Sebentar di Sungai Dua  
Majlis Kita Bernoktah Sudah  
Sekalung Penghargaan Kepada Semua***

Ampun tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata, patik sekali lagi mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga ke bawah Duli Tuanku kerana sudi bercemar Duli berangkat ke majlis pada petang ini.

Patik sudahi ucapan ini dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.